

LANGKAH-LANGKAH KAWALAN DEMAM Q

- Kuarantin haiwan berpenyakit;
- Ternakan bunting reaktor positif dirawat dengan *Oxytetracycline*;
- Semua peralatan, permukaan yang dicemari dibersihkan dengan prosedur disinfeksi rutin;
- Rawatan antibiotik;
- Kawalan pengimportan ternakan;
- Kawalan pemindahan ternakan;
- Petugas dan pekerja terlibat hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan;
- Penternak dan pekerja ladang sekurang-kurangnya memakai baju pelindung, but, sarung tangan, dan penutup hidung;
- Membersihkan dan membasmi semula kawasan yang terdedah dengan betul.
- Haiwan yang dijangkiti kuarantin;
- Pastikan susu yang anda minum dimasak dengan betul.



UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Kuching
082-628255

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Samarahan
082-671221

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Serian
019-2045829

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sri Aman
083-322106

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Betong
083-471622

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sarikei
084-658129

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sibuluan
084-330224

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Kapit
084-798280

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Mukah
084-871050

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bintulu
086-335770

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Miri
085-411866

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Limbang
085-212177

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Lawas



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK
IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
LOT 877, JALAN SEMENGGOK, OFF BATU 12
JALAN KUCHING - SERIAN, 93250 KUCHING, SARAWAK

Tel: 082-628248 / 249 / 250 / 255 | Faks: 082-628227
OPS Room Hotline: 016-2557267 | Email: dvs@sarawak.gov.my
Website: dvs.sarawak.gov.my | FB: www.facebook.com/DVSSarawak

DEMAM Q (Q FEVER)



JABATAN
PERKHIDMATAN
VETERINAR SARAWAK



KENALI PENYAKIT DEMAM Q

Demam Q atau Q Fever disebabkan oleh bakteria *Coxiella burnetii* yang mampu hidup di dalam persekitaran yang luas dan pada jangka masa yang lama. Penyakit ini mudah merebak kerana mempunyai perumah yang pelbagai seperti ruminan (lembu, kerbau, bebiri, kambing) dan haiwan lain seperti anab, kucing dan anjing.

C. brunetti berjangkit melalui dua (2) cara, iaitu secara bawaan udara. *C. brunetti* dalam tisu plasenta, cecair kelahiran, susu dan kumuhan dari haiwan terjangkit-tinja, urin) dan secara sentuhan langsung dengan haiwan terjangkit dan lain-lain bahan tercemar seperti pakaian, bulu dan jerami.

Tempoh pengeraman adalah bergantung kepada saiz dos dan biasanya 14 hingga 21 hari. Penyakit ini dipercayai memasuki negara melalui pengimportan haiwan.

Laporan pertama mengenainya dibuat pada tahun 1954. Pada tahun 2007, penyakit ini muncul semula di Pulau Pinang akibat peningkatan aktiviti pengimportan kambing.

Demam Q endemik di kalangan ternakan dalam negara ini dan kajian epidemiologi pada tahun 2007-2008 mendapati kadar sero-prevalen 18% dalam ternakan ruminan. menyebabkan kerugian besar. Penyakit Demam Q adalah zoonotik. Ia juga diklasifikasikan sebagai senjata biologik kerana keupayaannya untuk menyebabkan penyakit walau dengan kuantiti patogen yang rendah.

TANDA-TANDA JANGKITAN DEMAM Q


TANDA-TANDA PADA HAIWAN

- Keguguran;
- Anak lahir tidak cukup bulan atau mati semasa lahir;
- Kemandulan pada ternakan betina;
- Ternakan terjangkit tidak semestinya menunjukkan gejala penyakit.

TANDA-TANDA PADA MANUSIA

- Demam tinggi;
- Menggigil atau berpeluh;
- Batuk;
- Sakit dada semasa bernafas;
- Sakit kepala;
- Loya;
- Sakit perut;
- Jaundis;
- Sakit otot;
- Sesak nafas;
- Ruam juga merupakan gejala, tetapi tidak selalu.

ORDINAN KESIHATAN AWAM VETERINAR 1999



Dibawah Seksyen 30 VPHO (1999), Kegagalan penternak melaporkan sebarang kes jangkitan penyakit Demam Q kepada *State Veterinary Authority* boleh disabitkan dan akan dikenakan denda tidak melebihi RM500.

Penternak yang tidak mengurung atau mengasingkan haiwan yang disyaki terkena jangkitan Demam Q boleh didenda tidak melebihi RM1000.

Sekiranya penternak tidak memberikan kerjasama kepada *State Veterinary Authority* dalam menyiasat dan mengambil sampel haiwan, beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500.